

SULIT
3528/2
SAINS
PERTANIAN
KERTAS 2
NOVEMBER
2004
2 ½ JAM

Nama: Ting:

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004
TINGKATAN EMPAT**

SAINS PERTANIAN

KERTAS 2

Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Jawab semua soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B dan satu soalan daripada Bahagian C.*
 - 2. Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.*
 - 3. Kertas graf dibekalkan untuk menjawab soalan daripada nombor 3 dan 4.*
 - 4. Tuliskan nama dan tingkatan pada semua kertas jawapan yang anda serahkan.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan

1. Sektor pertanian sering mengalami perubahan di mana kadang kala sektor ini berkembang dan pada masa tertentu menguncup. Timbul pelbagai isu di kalangan petani, penternak, pengusaha dan jabatan-jabatan terlibat.
 - a) Huraikan lima isu utama yang sering melanda sektor pertanian. (10 markah)
 - b) Nyatakan hala tuju (trend) sektor pertanian di Malaysia jika ingin berdaya saing dengan sektor lain. (5 markah)
2. Anda sebagai pegawai di Jabatan Pertanian diminta untuk memberi nasihat kepada sekumpulan petani tentang kaedah mesra alam untuk pengawalan serangga perosak.
Huraikan kebaikan dan kelemahan terhadap empat jenis kaedah utama pengawalan perosak untuk membantu petani membuat pilihan yang sesuai. (15 markah)

BAHAGIAN B

Jawab satu soalan sahaja

Keperluan nutrien	70 kg Nitrogen 90 kg Fosforus 70 kg Kalium
Baja yang disyorkan	Urea (46%) Superfosfat Ganda Tiga (50 % Fosforus) Muriat Potasy (60 % Kalium)
Harga Baja	Urea - RM 1.00/kg Superfosfat Ganda Tiga - RM 1.10/kg Muriat Potasy - RM 1.30/kg
Harga Jualan Sawi	RM 350.00/tan metrik
Jumlah Hasil	2.2 tan metrik

Jadual 1

3. Jadual 1 menunjukkan maklumat tentang penggunaan baja bagi penanaman sawi hijau seluas 1.0 hektar.
Kaji maklumat di atas dan jawab soalan berikut:-
 - a. Hitungkan kuantiti setiap jenis baja yang diperlukan. (9 markah)

b. Hitungkan jumlah kos baja yang diperlukan.

(3 markah)

c. Hitungkan pendapatan kasar bagi penanaman sawi hijau di atas.

(3 markah)

Kuantiti Baja (Kg / Hektar)	Kuantiti Hasil(Tan / Hektar)	
	CB 1	CB 2
0	0.20	0.80
30	1.00	1.20
60	1.64	1.40
90	1.90	1.50
120	1.95	1.55
150	1.90	1.50

Jadual 2

4. Jadual 2 menunjukkan kuantiti hasil varieti CB 1 dan CB 2 bagi tanaman cili yang diperolehi pada kuantiti pembajaan yang berbeza.

(a) Dengan menggunakan skala 3 cm mewakili 30kg/hektar baja bagi paksi – x dan 1cm mewakili 0.10 tan/hektar hasil bagi paksi – y, lukiskan graf kuantiti hasil melawan kuantiti baja bagi kedua-dua varieti.

Labelkan kedua-dua keluk itu.

(8 markah)

(b) Berdasarkan graf:

(i) Varieti manakah lebih sesuai ditanam jika pembajaan tidak dilakukan dan nyatakan sebabnya.

(3 markah)

(ii) Berapakah anggaran kuantiti hasil setiap varieti jika kuantiti baja yang digunakan ialah 100 kg/hektar. Tunjuk dan lakarkan pada graf bagaimana anda memperoleh jawapan itu.

(4 markah)

BAHAGIAN C

Jawab satu soalan sahaja

5. Sekolah anda akan mengadakan Hari Terbuka Sekolah, Kelab Pertanian Sekolah bercadang menjual anak benih pokok hiasan yang dibiakkan secara keratan batang.

Huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk menyediakan anak benih pokok bunga raya secara keratan batang.

(15 markah)

6. Huraikan dengan jelas satu prosedur untuk menentukan kelas tekstur tanah di makmal menggunakan kaedah mendapan.

(15 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT